

24/12/2001

Dr M mahu jumpa Ketua Pemuda MCA

Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan masalah dalaman MCA sebagai serius dan berharap dapat menemui Ketua Pemuda parti itu, Datuk Ong Tee Kiat, bagi mencari jalan menyelesaikan kemelut itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sebelum ini pernah menemui Ong dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut mengenai masalah dalaman MCA membabitkan kedua-dua pemimpin itu.

Bagaimanapun, kata beliau, kedua-dua pihak agak keberatan bertolak-ansur tetapi sebaliknya perlu mengetepikan kepentingan dan alasan masing-masing untuk menyelesaikan masalah itu.

"Saya berharap dapat menemui (Ong) Tee Kiat sekali lagi," katanya ketika ditanya pandangan beliau terhadap masalah dalaman MCA, termasuk tindakan Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu menggantung CC Pemuda MCA pimpinan Ong, Khamis lalu.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan PNB Darby Park, pangsapuri dengan perkhidmatan milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Jalan Binjai di sini, malam ini.

Ditanya sama ada pergolakan dalam MCA itu akan menjejaskan pretasi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perdana Menteri berkata: "Saya yakin kita mampu memenanginya."

Bagaimanapun, beliau memandang serius perkembangan itu memandangkan MCA adalah parti kedua terbesar dalam BN.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan PNB Darby Park, pangsapuri dengan perkhidmatan milik yang dibuka pada 22 Julai lalu, dan diuruskan secara usaha sama antara PNB Property Management Berhad dengan Sime Property International Ptd Ltd (Singapore).

Beliau memuji usaha PNB menceburi sektor hartanah walaupun ia tidak memberi pulangan besar.

"PNB kini mencapai kejayaan yang cukup membanggakan dalam pelaburan perusahaan dan sektor hartanah," katanya sambil menambah, PNB sudah menjadi badan besar pelaburan dengan nilai pelaburan berpuluh bilion ringgit.

Beliau berkata, PNB turut menguruskan pelaburan Bumiputera dengan cara bijak dan memberi pulangan yang lebih baik berbanding hanya menyimpan wang di bank.

Mengenai PNB Darby Park, Perdana Menteri berkata, pangsapuri dengan perkhidmatan itu amat sesuai untuk pelancong asing yang mahu menginap lama di ibu negara kerana kadar sewanya berpatutan berbanding hotel.

Sementara itu, Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata Darby Park mempunyai 347 unit pangsapuri mewah dibina atas tanah 1.01 hektar bernilai RM179.4 juta.

(END)